

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

19. Sila nyatakan peratus pendapatan dalam sektor pelancongan dari keseluruhan pendapatan negeri?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai strategi atau inisiatif bagi mencari pendapatan lain menggantikan sektor pelancongan selepas sektor ini terjejas dengan Wabak COVID-19?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri tidak menerima pendapatan/hasil secara langsung melalui sektor pelancongan. Limpahan ekonomi daripada sektor pelancongan menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan serta pertumbuhan ekonomi negeri yang berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat.
- (a) Kerajaan Negeri melalui *Penang State Exco for Tourism Development, Arts, Culture and Heritage* (PETACH) dan *Penang Global Tourism* (PGT) akan mengambil tindakan berdasarkan Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan (Tourism Recovery Action Plan) dalam usaha memulihkan industri pelancongan negeri untuk mengatasi cabaran dan masalah akibat penularan Wabak COVID-19 seperti berikut:
- (i) Menangguhkan kempen promosi, pemasaran dan program-program pelancongan dalam jangka masa

pendek sehingga situasi Wabak COVID-19 dapat dikawal;

- (ii) Bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti agensi kerajaan, hotel penginapan, ejen pelancongan, pengusaha tempat tarikan pelancong dan syarikat penerbangan bagi membincang dan menghasilkan rancangan yang komprehensif di bawah Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan;
- (iii) Memberi tumpuan kepada pasaran pelancongan domestik dalam jangka masa pendek dan sederhana. Promosi seperti pameran dan pengiklanan akan dilaksanakan kepada pasaran domestik. Kerajaan Negeri Pejabat PETACH juga menyokong promosi bagi kempen 'Penang Lang 50% Off' oleh *Association of Tourism Attractions Penang* (ATAP) dan akan terus dikaji untuk dipanjangkan kepada pelancong-pelancong domestik;
- (iv) Menghasilkan video promosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang selamat; dan
- (v) Bagi jangka masa panjang, kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan bagi memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa.